



MENGAKUTIDAK BERSALAH: Tertuduh (dua kiri) diiringi anggota polis selepas didakwa di Mahkamah Majistret Sibul, semalam.

Pemandu lori simen mengaku tidak bersalah memandu melulu hingga menyebabkan kematian penunggang motosikal

SIBU: Pemandu lori simen yang terlibat dalam kemalangan maut di persimpangan lampu isyarat Jalan Tun Ahmad Zaidi Aduce pada 21 April lepas, didakwa di Mahkamah Majistret Sibul semalam atas pertuduhan memandu secara melulu sehingga menyebabkan kematian seorang penunggang motosikal.

Tertuduh, 50, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan itu yang dibacakan kepadanya di hadapan Majistret Oon Kork Chern.

Mahkamah membenarkan tertuduh bebas dengan ikat jamin RM6,000 dengan dua penjamin tempatan, selain lesen memandunya digantung sehingga kes selesai.

Mahkamah turut menetapkan 22 Jun ini sebagai tarikh pengurusan kes.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa memandu sebuah lori simen secara melulu sehingga menyebabkan kematian seorang penunggang motosikal berumur 39 tahun pada 21 April lalu, kira-kira jam 9.45 pagi di persimpangan lampu isyarat Jalan Tun Ahmad Zaidi Aduce.

Bagi pertuduhan ini, tertuduh didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Ja-

lan 1987, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan tidak lebih 10 tahun dan denda tidak kurang RM20,000 serta tidak lebih RM50,000.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Keshava Rao, sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Ketua Polis Daerah Sibul ACP Azari Miskon dalam satu kenyataan media sebelum ini berkata, hasil siasatan awal mendapati dalam kemalangan itu, penunggang motosikal tersebut datang dari arah Pasar Raya Farley sebelum berhenti di lampu isyarat dan meneruskan perjalanan apabila lampu bertukar hijau.

“Sebuah lori simen yang datang dari arah kanan dipercayai gagal memberhentikan kenderaan walaupun lampu isyarat telah bertukar merah, lalu melanggar motosikal berkenaan.

“Akibat kemalangan tersebut, penunggang motosikal seorang lelaki tempatan berumur 39 tahun telah disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh pegawai perubatan,” ujarnya sambil menambah, ujian saringan awal air kencing mendapati pemandu tersebut negatif dadah.